



MUSA AHMAD (dua dari kiri), Hassan Basri Awang Mat Dahan (kiri), Zulkiple Abd. Ghani (dua dari kanan) dan Pengarah Pusat Komunikasi Strategik, Dr. Faizal Kasmani melihat rekabentuk konsep Murqarnas selepas sidang akhbar di Nilai, semalam.

Konvokesyen USIM tiga hari mulai Sabtu ini

SEREMBAN 4 Nov. - Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud dijadualkan berangkat merasmikan Istiadat Pembukaan Majlis Konvokesyen Ke-13 USIM pada Sabtu ini.

Tuanku Aishah telah memberi perkenan supaya konvokesyen tahun ini diadakan selama tiga hari mulai Sabtu ini.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, pada tahun ini, sebanyak lima sidang akan diadakan untuk menganugerahkan ijazah kepada semua graduan berbanding hanya empat sidang pada tahun lalu.

Beliau berkata, seramai 2,498 pelajar akan menerima ijazah dalam bidang masing-masing dengan 34 orang penerima doktor falsafah, 30 penerima sarjana, 142 penerima diploma dan 2,292 penerima ijazah sarjana muda.

"Istiadat pembukaan majlis konvokesyen ini akan bermula pukul 8 pagi yang akan disempurnakan oleh Canselor USIM. Tengku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz selaku Pro-Canselor USIM akan turut bersama hadir ke majlis ini," katanya dalam sidang akhbar di USIM dekat sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof. Datuk Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani.

Sempena istiadat pembukaan majlis konvokesyen itu, Musa memberitahu, Canselor USIM berkenan menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) kepada dua orang tokoh dan seorang penerima gelaran Profesor Emeritus.

Jelasnya, Presiden Universiti

Islam Malaysia, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor akan menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pendidikan manakala bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Tun Azmi dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman sementara Profesor Emeritus kepada Prof. Datuk Dr. Wan Mohamad Nasir Wan Othman yang juga bekas Dekan Pertama Fakulti Pergigian USIM.

Katanya, beberapa anugerah pelajar yang telah menunjukkan kecemerlangan terbilang akan dirai dan diberikan penganugerahan seperti Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), Anugerah Canselor (Pelajar Sarjana Muda dan Pelajar Siswazah) dan Pingat Naib Canselor.

Mengulas mengenai bilangan penerima ijazah, Musa berkata, penerima doktor falsafah mencatatkan peningkatan sebanyak 48 peratus iaitu daripada 23 orang pada tahun lalu kepada 34 orang tahun ini.

"Sarjana mencatat peningkatan sebanyak 61 peratus daripada 88 graduan pada tahun lalu kepada 142 graduan tahun ini manakala diploma lanjutan meningkat sebanyak tiga

peratus kepada 30 graduan tahun ini berbanding 29 graduan pada tahun sebelumnya.

"Bagi ijazah sarjana muda meningkat sebanyak 48 peratus daripada 1,549 graduan tahun lalu kepada 2,292 graduan tahun ini.

"Secara dasarnya, statistik peningkatan jumlah keseluruhan graduan bagi tahun ini adalah 48 peratus daripada bilangan 1,689 graduan tahun lalu kepada 2,498 graduan tahun ini," katanya.

Beliau menarik perhatian, jawatankuasa induk dan urusetia yang terlibat dalam menjayakan Majlis Konvokesyen Ke-13 USIM berdoa dan berharap majlis itu berjalan lancar dan memberi kegembiraan kepada para graduan dan ahli keluarga pada hari penting mereka itu.